

## SIARAN AKHBAR

Bahagian Hal Ehwal Awam dan  
Komunikasi Korporat Kumpulan  
Lembaga Tabung Haji  
Lantai 16, Bangunan Tabung Haji,  
201, Jalan Tun Razak, 50732 Kuala Lumpur  
Tel : 03 2054 2132  
Faks : 03 2164 0436

Tabung Haji Contact Centre  
Tel : 03 6207 1919  
Faks : 03 7728 4959

[www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my)

### LEMBAGA TABUNG HAJI TANGGUH URUSAN HAJI MUSIM 1442H

**KUALA LUMPUR, 13 Jun 2021** – Lembaga Tabung Haji (**TH**) menangguhkan semua urusan berkaitan operasi haji bagi Musim Haji 1442H/2021M selaras dengan keputusan muktamad Kerajaan Arab Saudi bahawa tiada jemaah negara luar termasuk Malaysia yang akan dibenarkan ke Tanah Suci untuk menunaikan haji, atas faktor keselamatan dan kesihatan semua.

Keputusan penangguhan ini dibuat setelah YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri membuat pengumuman rasmi yang diperoleh dari Kerajaan Arab Saudi, semalam.

Kerajaan Arab Saudi memutuskan ibadah haji bagi Musim Haji 1442H/2021M dihadkan hanya untuk warganegara Saudi dan penduduk negara lain yang telah berada dalam negara tersebut sahaja. Ini berikutan situasi semasa pandemik Covid-19 yang membimbangkan di seluruh dunia.

Bagi rakyat Malaysia yang bermastautin di Arab Saudi, mereka boleh memohon melalui Kementerian Haji & Umrah Arab Saudi untuk menunaikan haji tahun ini, tertakluk kepada kriteria pemilihan dan Prosedur Standard Operasi (SOP) yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, YBhg. Dato' Sri Amrin Awaluddin berkata, walaupun **TH** sudah bersiap siaga dan membuat perancangan operasi haji sehingga ke saat akhir, **TH** menerima keputusan yang telah dibuat oleh pihak Arab Saudi dan Kerajaan Malaysia. Keputusan penangguhan pemergian jemaah haji Malaysia tahun ini jelas menunjukkan keprihatinan Kerajaan Arab Saudi yang mengambil berat aspek keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan umat Islam seluruh dunia ekoran penularan wabak Covid-19.

“**TH** amat berterima kasih kepada Kerajaan Arab Saudi yang sentiasa memberi kerjasama baik kepada Malaysia dan amat prihatin dalam urusan ibadat haji jemaah negara ini sejak dahulu,” menurut beliau.

“**TH** juga menyokong sepenuhnya keputusan yang diambil Kerajaan Malaysia dalam usaha membendung penularan jangkitan Covid-19 sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 yang lalu.”

“Bagi bakal haji yang diperuntukkan giliran haji mereka pada tahun 2020 dan telah diberi keutamaan sebelum ini untuk menunaikan haji pada tahun 2021, mereka sekarang akan diberi keutamaan untuk menunaikan fardu haji pada tahun 2022. Bagi bakal haji yang gilirannya pula adalah pada tahun ini (2021), mereka akan turut diberi peluang pada tahun 2022 tertakluk kepada kekosongan kuota tahun semasa,” tambah beliau lagi.

**TH** menasihati umat Islam di Malaysia untuk tidak terpengaruh dengan mana-mana pihak yang menawarkan pakej haji dan badal haji bagi tahun ini. **TH** memohon semua bakal haji untuk bersabar dan menerima keputusan ini dengan reda serta terus berdoa agar keadaan kembali pulih bagi membolehkan urusan haji diteruskan pada musim-musim hadapan.

Salah satu dari syarat-syarat wajib haji adalah berkemampuan atau ‘Istito’ah’ untuk pergi menunaikan haji. Antara ciri-ciri Istito’ah ialah dari segi kesihatan, kemampuan kewangan, keamanan dalam perjalanan, pengangkutan yang selamat dan kebenaran kuota haji.

Untuk sebarang pertanyaan dan makluman lanjut, orang ramai boleh melayari laman web rasmi **TH**, [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi talian Khidmat Pelanggan **TH** (THCC) di 03-62071919.

-Tamat-

## LEMBAGA TABUNG HAJI

Lembaga Tabung Haji (**TH**) merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1963 dan ditadbir berdasarkan Akta Tabung Haji 1995 (Akta 535). **TH** menyediakan kemudahan bagi umat Islam di negara ini menyimpan wang untuk mengerjakan haji. **TH** mempunyai lebih 50 tahun pengalaman dalam perkhidmatan simpanan, haji dan pelaburan. Sebagai sebuah institusi haji terunggul negara, **TH** berusaha untuk mengukuhkan ekonomi umat Islam Malaysia dengan memanfaatkan dana dan sumber sedia ada. **TH** komited memberi perkhidmatan cemerlang dan memuaskan kepada semua Jemaah Haji Malaysia. Pencapaian **TH** yang konsisten telah mendapat pengiktirafan dunia sebagai model pengurusan haji inovatif. **TH** mempunyai hampir 9 juta pendeposit dan 123 cawangan dengan lebih 10,000 'touch-points' di seluruh negara. **TH** juga mempunyai sebuah pejabat yang beroperasi di Jeddah, Arab Saudi di bawah Konsulat Malaysia.

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai perkhidmatan **TH**, sila lawati [www.tabunghaji.gov.my](http://www.tabunghaji.gov.my) atau hubungi Tabung Haji Contact Centre di talian 03-6207 1919. Bagi keterangan lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

<b>Affan Aimaduddin Azami</b> Penolong Pengurus Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara <b>TH</b> Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2238 Tel. Bimbit: 019 984 7138 Faks: 03 2164 0436 Emel: affan.aimaduddin@lth.gov.my	<b>Mohamad Naser Jaffar</b> Pengurus Kanan Bahagian Komunikasi Korporat Lantai 16, Menara <b>TH</b> Tun Razak 201 Jalan Tun Razak Kuala Lumpur Tel: 03 2054 2451 Tel. Bimbit: 019 200 8438 Faks: 03 2164 0436 Emel: naser@lth.gov.my
---	---